

Projek di Bintulu

Kurang penglibatan dari penduduk tempatan dikesali

BINTULU, Isnin— Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad kesal dengan hanya gèbilangan kecil penduduk tempatan mengambil bahagian dalam berbagai-bagai projek di Bintulu.

"Kalau orang-orang Korea sanggup datang ke sini tidak ada sebab

orang-orang Malaysia terutamanya mereka dari Sarawak tidak mahu membina negeri mereka sendiri," katanya hari ini setelah melawat projek-projek gas cecair asli (LNG) dan pelabuhan di Tanjung Kidurong dekat sini.

Katanya, kerajaan sedia memberikan latihan kepada penduduk

tempatan tetapi mereka harus bersedia untuk bekerja di sini.

"Tentunya kerja itu agak berat tetapi mereka haruslah mempunyai semangat peneroka," tambahnya.

Datuk Seri Dr. Mahathir berpuas hati dengan kemajuan projek LNG dan pelabuhan air dalam itu yang masing-masing hampir 49 peratus dan 45 peratus siap.

Bellau yakin projek-projek yang menelan belanja beribu juta ringgit itu siap mengikut jadual.

Mengenai belanja hidup yang tinggi di Bintulu, bellau berkata kerajaan akan memberikan subsidi bagi barang-barang keperluan untuk menurunkan harga, kerajaan tidak akan memberi elaun khas bagi kakitangan Kerajaan Persekutuan yang berkhidmat di sini.

"Sekiranya kita berbuat demikian pegawai-pegawai lain di kawasan-kawasan lain di negara ini juga akan meminta elaun khas," tambahnya.

Bagaimanapun Kerajaan Negeri Sarawak telahpun memberikan elaun khas kepada pegawai-pegawainya yang berkhidmat di sini mulai April tahun ini.

Terdahulu, Timbalan Perdana Menteri diberi taklimat mengenai kemajuan pembinaan projek LNG tersebut oleh pengarah urusannya, M.B. Haahim sementara taklimat mengenai pelabuhan oleh pengurus besar, Kept. Kamaruddin Mohamed Noor.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia